

Keamanan: Abdullah mahu rakyat penuhi impian PM

Oleh NOR AZIAH JAAFAR
'dan SYAHIR KASSIM

UM 22 DEC 2004

PULAU PINANG 21 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat memenuhi impian Perdana Menteri yang mahu melihat keamanan berterusan di negara ini.

Menurut beliau, sudah sewajarnya impian Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu yang dinyatakan sempena hari jadi beliau yang ke-76 semalam diberi perhatian oleh rakyat berbilang kaum bagi memastikan permuafakatan mereka terjalin erat.

Beliau percaya apabila semua rakyat sepakat, rusuhan kaum tidak akan berlaku dan mereka dapat menangani masalah lain secara bersama dengan lebih berkesan.

Katanya, Perdana Menteri tahu bahawa keamanan merupakan kunci kepada segala kemajuan dan kemakmuran berdasarkan pengalamannya selama 20 tahun memimpin negara.

"Sambutlah impian Perdana Menteri itu supaya negara tetap aman dan makmur. Tidak ada negara yang berperang boleh dibangunkan. Hanya bila aman, ekonomi bertambah baik, negara makmur, rakyat lebih senang dan bahagia," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis makan malam anjuran Persatuan Bekas Pasukan Keselamatan Negara Malaysia (PBPKNM) di Hotel Gurney di sini, malam ini.

Pengorbanan

Abdullah juga meminta generasi muda menghargai pengorbanan dan perjuangan bekas anggota pasukan keselamatan yang telah membebaskan negara dari ancaman komunis yang cuba menumbangkan kerajaan yang baru dipilih oleh rakyat selepas negara mencapai kemerdekaan.

Katanya, tanpa perasaan taat setia serta pengorbanan mereka itu, generasi muda hari ini tidak dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan seperti yang dikecapi sekarang.

Abdullah memberitahu, kerajaan amat menyanjung jasa dan pengorbanan bekas pejuang itu kerana negara tidak lagi menghadapi ancaman seperti masa lalu.

Mengenai permintaan PBPKNM agar kerajaan memberi bantuan kepada persatuan itu, beliau berkata, kerajaan sedia menimbang permohonan tersebut.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli jawatankuasa persatuan itu agar berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri bagi membincangkan sebarang bentuk bantuan yang boleh diberikan.

PBPKNM yang kini mempunyai hampir 45,000 ahli di seluruh negara ditubuhkan pada tahun 1955 dianggotai oleh bekas anggota pasukan keselamatan dari tiga zaman iaitu semasa Perang Dunia Kedua, ancaman komunis dan konfrontasi.